

20 JAN 2003

MCA-Kecewa/I

PEMUDA MCA KECEWA DENGAN KEPUTUSAN CC MENGENAI PELANTIKAN KETUA PEMUDA

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Pemuda MCA kecewa dengan keputusan Jawatankuasa Pusat (CC) berhubung pelantikan ketua Pemuda Selangor dan ketua-ketua Pemuda di tiga negeri.

Setiausaha Agung Pemuda Liow Tiong Lai berkata pergerakan itu kecewa dengan keputusan melantik Wong Koon Mun sebagai ketua Pemuda MCA Negeri Selangor.

Ia juga kecewa dengan arahan presiden agar jawatan ketua Pemuda negeri bagi Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan yang telah dipertikaikan, diselesaikan oleh jawatankuasa perhubungan negeri masing-masing.

"Kami memandang serius perkara ini dan merasakan taktik keras ini akan membawa akibat yang serius," katanya kepada pemberita di Wisma MCA di sini hari ini.

Isu pelantikan ketua-ketua Pemuda negeri telah menjadi fokus pertelagahan antara kumpulan yang tidak sehaluan dalam pergerakan itu sejak seminggu lepas.

Berikutan pelaksanaan pelan damai yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mei tahun lepas, status-quo pemegang jawatan dilanjutkan ke satu penggal lagi manakala dalam pergerakan Pemuda, yang mempunyai had umur, rundingan telah diadakan untuk mengisi kekosongan itu yang termasuk beberapa jawatan ketua Pemuda negeri.

Bagaimanapun, mereka yang dilantik sebagai ketua-ketua Pemuda di Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan telah dipertikaikan oleh kumpulan yang tidak sehaluan dalam pergerakan itu.

Di bawah pelan damai MCA, naib presiden Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy sepatutnya menjadi pengantara sekiranya mereka yang ingin bertanding bagi jawatan-jawatan dalam Pemuda tidak mencapai kata sepakat.

Minggu lepas, CC memperakui barisan baru Pemuda bagi Selangor, mengakibatkan bantahan daripada kumpulan yang dikaitkan dengan "Pasukan B" kerana ketua Pemuda negeri yang baru Wong Koon Mun adalah dari "Pasukan A" pimpinan presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Liow berkata pelantikan berkenaan telah mendapat bantahan keras daripada kalangan akar umbi yang kecewa dengan perkara itu dan telah mendesak Pemuda MCA menyatakan pendiriannya.

Beliau berkata mereka marah dan kecewa dengan taktik keras yang digunakan untuk menyelesaikan pertikaian Pemuda MCA Selangor, yang dianggap sebagai "keputusan tidak demokratik" dan telah mengakibatkan kemusnahan besar terhadap reputasi dan kewibawaan anggota Pemuda MCA.

"Presiden telah sentiasa menyatakan bahawa kedudukan beliau dan penggantinya tidak wajar diputuskan oleh pemimpin tetapi diserahkan kepada para perwakilan tetapi bagi Pemuda, kelihatan peraturan berlainan dipakai.

"Bagi Pemuda, beliau telah membenarkan jawatan ketua atau pengganti pemimpin Pemuda ditentukan oleh pemimpin-pemimpin kanan, yang bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh presiden. Sungguh memalukan," katanya.

Beliau juga berkata sebelum keputusan itu, Pemuda di negeri masing-masing dapat menjalankan aktiviti mereka.

"Bagaimanapun, sebaik sahaja pengumuman keputusan itu, ia sekali lagi mencetuskan konfrontasi sebenar di antara anggota Pemuda di negeri-negeri berkenaan," katanya.

Dengan itu, Pemuda MCA telah mencadangkan pilihan alternatif untuk

menyelesaikan kontroversi kepimpinan Pemuda negeri dengan mengadakan pemilihan di negeri-negeri yang pelantikan mereka dipertikaikan setelah mengambil langkah untuk menyelesaikan isu anggota "hantu".

"Pemimpin parti perlu menyelesaikan isu anggota "hantu" dan membersihkan senarai perwakilan agar pemilihan yang adil, telus dan demokrasi dapat dijalankan," katanya.

Liow juga berkata pucuk pimpinan parti tidak harus mengambil tindakan lanjut yang boleh memecahbelahkan lagi Pemuda MCA kerana ia akan menjejaskan jentera pilihan raya Pemuda MCA dan persediaan parti bagi pilihan raya umum.

-- BERNAMA

AT KHY RHM